

13 JAN 2003

SYED HAMID HADIRI MAJLIS PELANTIKAN PRESIDEN ECUADOR YANG BARU

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan mewakili Malaysia pada majlis pelantikan Presiden Ecuador yang baru dipilih Lucio Gutierrez Borbua pada Rabu, demikian menurut Wisma Putra.

Gutierrez, 45, pesara tentera berpangkat kolonel, menjawat jawatan pada 15 Jan. Beliau menewaskan Alvaro Noboa dalam pilihan raya presiden November lepas dan menggantikan Presiden Gustavo Noboa yang tamat tempoh perkhidmatan.

Dalam kenyataannya, Wisma Putra berkata ini merupakan lawatan pertama Menteri Luar ke Ecuador, dan semasa lawatan itu, beliau akan menyampaikan jemputan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Gutierrez untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur bulan depan.

Syed Hamid juga akan bertemu rakan sejawatannya, Dr Heinz Moeller, untuk bertukar pandangan mengenai perkara-perkara berkaitan kepentingan bersama termasuk hubungan dua hala, pembangunan serantau dan antarabangsa di samping Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang akan datang.

Beliau juga dijangka bertemu Menteri-menteri Luar Amerika Selatan yang lain terutamanya dari negara-negara anggota NAM.

-- BERNAMA
SNS MFJ ROS